

Rencana Pengarang

membuka usaha di mana-mana akan tercapai.

Usaha-usaha yang semacam ini kalau tidak lekas dibuat kelak bukan sahaja merugikan tetapi akan membahayakan keadaan dan kesejahteraan.

* * *

Penjelasan yang Tepat

Baharu-baharu ini di dalam akhbar tersiar tuduhan dari negara Arab Selatan menyatakan bahawa kerajaan ‘Arabiyyah Sa‘udiyyah menegah orang-orang dari negara Arab Selatan daripada menuaikan fardu haji ke Makkah tahun ini. Berita ini seimbas lalu tidak ada ertinya, tetapi apabila dikaitkan dengan perkembangan politik di negara-negara Arab jelas bahawa ia bertujuan provokasi untuk memburukkan kerajaan ‘Arabiyyah Sa‘udiyyah yang menjadi khadam dua *Haramayn al-Shari‘ayn*. Berita itu kalau tidak segera dinafikan oleh kerajaan yang berkenaan boleh jadi menimbulkan pandangan bahawa tanah suci itu adalah dimonopoli oleh pengawalnya.

Dato’ Syed Ibrahim bin Omar Alsagoff, Konsul Agung Arabiyyah Sa‘udiyyah dengan cergas telah mengeluarkan penafian dan penjelasan bahawa kerajaan ‘Arabiyyah Sa‘udiyyah tidak pernah melakukan sesuatu yang menahan orang-orang mengerjakan haji walau dari mana datangnya sekalipun. Hanya sanya kerajaan ‘Arabiyyah Sa‘udiyyah adalah sebagai yang bertanggungjawab khadam bagi dua *Haramayn* ini tentulah bertanggungjawab untuk menjaga

keamanan keselamatan dan kesempurnaan orang-orang yang mengerjakan haji dan dengan demikian, apabila pada masa-masa yang telah lalu pernah berlaku ada orang-orang yang pergi ke haji menyeludup membawa senjata-senjata yang boleh merosakkan keamanan maka tugasnya sebagai pengawal wajib memeriksa orang-orang yang datang itu dengan teliti terutamanya dari negara-negara yang menunjukkan perrusuhan-perrusuhan kepada kerajaannya pada masa-masa yang telah lalu.

Kalau sekiranya penyeludupan tidak dikawal dan dijaga dengan teliti sudah barang tentu ia akan merosakkan keamanan bukannya sahaja kepada rakyat Arab Sa‘udiyyah tetapi kepada bermilion-milion orang yang datang menuaikan fardu haji ke Bayt Allāh al-Harām yang berhajat kepada suasana aman damai dan tenang.

Tugas menjaga kemasukan orang-orang seumpama itu sememangnya wajib. Kita tentu melihat bahawa bukanlah kerajaan ‘Arabiyyah Sa‘udiyyah menahan kerana orang-orang itu dari negara Sosialis atau Komunis datang ke sana asalkan ia Islam. Ini terbukti beberapa banyak dari negara-negara Eropah Komunis dan Sosialis yang datang – dari negara China Komunis yang tiba asalkan ia Islam menunaikan fardu haji dengan aman dan damai adalah dibenarkan tetapi adakah sesebuah kerajaan di dalam dunia akan memberlakukan kemasukan orang-orang yang bakal merosakkan keamanan dan kesejahteraan di sesebuah tempat

terutamanya di dalam kumpulan yang begitu ramai?

Kita harap kerajaan ‘Arabiyyah Sa‘udiyyah akan bertindak dan terus bertindak kepada sesiapa pun yang akan merosakkan keamanan orang terutamanya di musim haji dan orang yang datang dengan semata-mata bertugas menyempurnakan haji kerajaan ‘Arabiyyah Sa‘udiyyah terus membukakan pintunya kepada sesiapa pun walau apa sekalipun ideologi politiknya asalkan ia Islam dan tidak mengacau keamanan.

Buku Baru.

Istimewa.

RISALAH

PENDIDEKAN

DAN

KELUARGA

Kumpulan dari kata2

dan nasihat yang berharga

Al-Imam Al-Shahid Hasan

Al-Banna Pemimpin Al-

Ekhwanul-Muslimin yang

mustahak di-jadikan pan-

duan hidup di-dalam suatu

masharakat Islam yang

bergerak maju.

Mustahak di-bacha oleh

pemuda dan pemudi Islam

angkatan baru yang chinta-

kan Islam.

Sa-buah \$1.00

Pesan-lah kapada:

QALAM

8247, Jalan 225,

Petaling Jaya,

Selangor.